

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Noraini Binti Ahmad [ Parit Sulong ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- a) berapakah jumlah pelancong negara China yang telah melawat ke Malaysia dengan pelaksanaan visa percuma bagi pelancong negara China; dan
- b) apakah usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk meningkatkan jumlah pelancong agar sasaran bilangan pelancong tercapai.

**JAWAPAN :     YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengecualian yuran visa kepada pelancong dari negara China baru sahaja digunapakai pada 15 Februari 2015 oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan oleh itu data ketibaan pelancong yang terkini masih belum diterima daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha yang sedang giat dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia untuk meningkatkan jumlah pelancong agar sasaran bilangan pelancong tercapai adalah seperti mempertingkatkan promosi di pasaran ASEAN dan pasaran jarak sederhana seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunei, India, Bangladesh dan Sri Lanka, Australia, Arab Saudi, Kuwait, Omar, Qatar, Emiriyah Arab Bersatu dan Bahrain.

Menggalakkan kolaborasi dan usahasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat penerbangan dan lain-lain dalam aktiviti yang menjurus kepada meningkatkan tahap kesedaran dan penjualan pakej-pakej percutian ke Malaysia secara terus ke konsumer semasa promosi 'Malaysia Travel Fair' di peringkat global.

Kempen taktikal di pasaran sasaran bagi menyokong kempen pengiklanan Tourism Malaysia menerusi medium televisyen, radio, media cetak, *billboard*, on-line, dan *digital marketing* juga antara kolaborasi dan usahasama yang dilaksanakan dalam usaha meningkatkan jumlah pelancong ke Malaysia.

Tambahan itu, Tourism Malaysia juga sentiasa berusaha dalam meningkatkan jaringan kerjasama dengan wakil-wakil dari media cetak dan elektronik di bawah program Mega Fam dengan membawa penulis, wartawan, kru perfileman dan 'social influencer' seperti 'bloggers' untuk menyaksikan sendiri keunikan acara-acara pelancongan dan produk-produk pelancongan terkini.

Sekian, terima kasih.